

Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan

MOHAMAD KHAIRI OTHMAN
ASMAWATI SUHID

ABSTRACT

Social and disciplinary problems among school students is of growing concern among Malaysian educationist. The school administration and teachers are more influential in handling these problems compared to other parties in the society as the students receive their knowledge in a formal and systematic way. At school the teachers show them how to be a good and cultured person. This paper discusses and elaborates this issue based on Veugelers (2000). According to Veugelers, the type of school, school culture, teacher personality, teachers teaching experiences will influence the development of the students' values.

Keywords: School students -- Moral values – social problems –

PENGENALAN

Dalam sistem pendidikan di negara kita penumpuan terhadap dasar pendidikan untuk melahirkan insan yang baik, menyeluruh dan bersepadu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek adalah jelas berdasarkan apa yang tersurat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Elemen akhlak, moral dan nilai-nilai murni merupakan salah satu unsur yang penting dalam memastikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini tercapai. Ini jelas termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005: hlm. ii)

Satu daripada aspek penting yang jelas dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan itu ialah pembentukan insan berakhlak mulia. Justeru kepentingan penghayatan nilai murni dalam kalangan manusia amat penting, kerana nilai murni yang dihayati itu akan menentukan jenis manusia yang diinginkan. Oleh itu, pendidikan dan penerapan nilai tidak boleh dipisahkan. Bolah dikatakan bahawa pendidikan tidak akan bermakna dan sempurna tanpa penerapan nilai murni (Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md. Aroff, Abdul Majid Mohd Isa, Rahil Hj. Mahyuddin, 1996; Wan Mohd. Zahid Mohd Noordin, 1994). Nilai-nilai inilah yang membentuk cara seseorang individu itu bertingkah laku, berfikir dan bertindak sehingga mencorakan kebudayaan atau norma sesebuah masyarakat (Mohd. Arif Hj Ismail, Mohd Jasmy Abd. Rahman dan Rosnaini Hj. Mahmud, 2005).

Penekanan kepada persoalan nilai-nilai murni dalam sistem pendidikan di Malaysia amat diberi perhatian. Perhatian yang serius bermula dengan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada 1989 yang menggalakkan guru-guru melaksanakan pendekatan penerapan nilai merentas kurikulum (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1988). Penerapan nilai-nilai murni tidak terhad kepada mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral serta Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, malah diterapkan melalui semua mata pelajaran yang diajar di sekolah, melalui aktiviti-aktiviti harian dan kegiatan kokurikulum (Nor Hashimah Hashim, 2000; Rahimah Hj. Ahmad & Chang Lee Hon, 1997). Ini jelas membuktikan bahawa penerapan nilai murni dalam pengajaran menjadi agenda penting dalam sistem pendidikan negara. Aspek penerapan nilai murni dalam KBSM adalah mustahak, terutamanya untuk menyediakan pelajar yang mempunyai ketahanan diri yang kukuh. Pelajar yang dididik melalui sistem persekolahan mestilah mampu menghadapi cabaran semasa dan juga cabaran masa depan. Cita-cita ini akan tercapai sekiranya mereka menghayati nilai-nilai murni yang menjamin pembentukan peribadi dan sahsiah diri yang utuh, kental dan padu (Wan Mohd. Zahid Mohd Noordin, 1988).

PENERAPAN NILAI MURNI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ASAS PEMBANGUNAN NILAI PELAJAR

Salah satu cabaran negara untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 adalah untuk melahirkan masyarakat yang bermoral dan beretika. Bagi meralisasikan aspirasi negara, kemantapan dan kemurnian sistem pendidikan negara merupakan asas penting. Hasrat ini terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005).

Nilai-nilai murni dapat dipupuk secara formal dan tidak formal. Masyarakat dan anggota keluarga memainkan peranan penting dalam pemupukan nilai dan sahsiah individu yang positif secara tidak formal. Walaubagaimanapun, pemupukan nilai ini akan lebih terarah jika disampaikan melalui sistem pendidikan formal yang jelas strukturnya (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005).

Menurut Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin (1988) sewaktu merancang penggubalan kurikulum peringkat menengah, persoalan penerapan nilai-nilai murni menjadi *mauduk* atau tajuk utama khususnya dalam menyediakan anak bangsa yang mempunyai ketahanan diri yang teguh. Hasrat ini hanya akan tercapai jika anak bangsa dibekali dan menghayati nilai-nilai murni untuk menjamin peribadi dan sahsiah yang waja. Untuk mencapai hasrat tersebut beliau menjelaskan Kementerian Pendidikan mengambil strategi untuk menerapkan nilai-nilai murni merentasi kurikulum, iaitu:

...nilai-nilai murni akan disisipkan melalui semua mata pelajaran dan ia diperkukuhkan pula melalui kegiatan-kegiatan kokurikulum dan pembentukan budaya sekolah yang positif. Ringkasnya, kedua-dua bentuk kurikulum, formal dan tidak formal, di dalam dan di luar bilik darjah, akan digunakan sepenuhnya dan secara bersepadu untuk memastikan penerapan nilai-nilai murni akan berhasil dan berkesan. (Wan Mohd Zahid Mohd. Noordin, 1988, hlm. 9)

Daripada pernyataan diatas jelas bahawa konsep penerapan nilai murni merentas kurikulum merupakan strategi utama bagi memastikan tercapainya matlamat kesepaduan pendidikan mengikut Falsafah Pendidikan Kebangsaan, demi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Nilai-nilai tersebut dapat membentuk sikap dan pemikiran manusia di mana penghayatan nilai-nilai murni akan membolehkan seseorang itu membuat keputusan yang wajar dan bertanggungjawab ke atas akhlak dan perilakunya (Mohd. Arif Hj Ismail, Mohd Jasmy Abd. Rahman dan Rosnaini Hj. Mahmud, 2005).

Matlamat penerapan nilai-nilai murni melalui pendidikan ialah untuk melahirkan insan dan juga warganegara yang baik serta memiliki akhlak mulia. Objektif penerapan nilai murni adalah seperti berikut:

1. Menanam kesedaran, kesefahaman, keyakinan dan juga kesyukuran;
2. Menanam semangat cintakan nilai-nilai suci;
3. Menghormati kebaikan dan membenci keburukan;
4. Membentuk sikap positif dan berguna kepada agama, bangsa dan juga sewaktu menjalankan tugas serta tanggungjawab;

5. Menghapuskan sikap negatif dalam kehidupan dan juga sewaktu menjalankan tugas serta tanggungjawab;
6. Menjalankan amanah dengan dedikasi;
7. Melatih diri dengan disiplin;
8. Meningkatkan hasil atau produktiviti; dan
9. Berusaha untuk mencapai kecemerlangan.

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005)

Objektif dan matlamat yang ingin dicapai akan dapat memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, jika nilai murni ini dapat dilaksanakan sepenuhnya melalui pendidikan. Dalam hal ini, seperti program-program kurikulum yang lain, komitmen serta budaya sekolah dan dedikasi guru memang tidak dinafikan merupakan faktor terpenting dalam memastikan pencapaian hasrat tersebut.

Beberapa kajian lepas yang telah dibuat mendapati masih kurangnya penerapan nilai murni dilakukan oleh guru-guru di dalam bilik darjah (Wan Hasmah Wan Mamat, 2002; Ab. Halim Tamuri dalam Ab. Halim Tamuri dan Jaafary Awang, 2005; Waddock, 2005; Habsah Ismail et al., 2007). Kurangnya penekanan nilai-nilai murni dalam kalangan guru akan menimbulkan kurangnya kefahaman dan penghayatan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar. Ini jelas berdasarkan pernyataan Asmawati Suhid, Rahyl Mahyuddin dan Abdul Rahman Md. Aroff (2001) menjelaskan pensyarah atau guru merupakan merupakan faktor terpenting dalam mempengaruhi persepsi dan kefahaman pelajar tentang moral. Keadaan ini mungkin wujud kerana pensyarah atau guru merupakan orang yang kerap berinteraksi dengan pelajar.

Tanpa proses menerapkan nilai murni ke dalam mata pelajaran yang diajar, cita-cita untuk melahirkan generasi cemerlang dalam semua aspek tidak akan berhasil kerana hanya melalui penerapan nilai murni dalam pendidikan mampu mendidik insan yang rasional, amanah, bertimbang rasa, bertanggungjawab dan memiliki sifat-sifat mulia yang dipersetujui agama dan masyarakat (Ismail Jusoh dan Mustapa Kassim, 1997).

PERANAN SEKOLAH DAN GURU DALAM PEMBANGUNAN NILAI PELAJAR MENERUSI PENERAPAN NILAI MURNI

Walaupun semua pihak perlu memainkan peranan secara menyeluruh untuk menangani masalah disiplin dan moral pelajar-pelajar tetapi peranan pihak sekolah dan guru lebih berkesan kerana pelajar-pelajar menerima pendidikan secara formal dan sistematik (Abd Rahim Abd Rashid, 2001). Ini turut

disokong kenyataan bahawa salah satu punca penyelewengan moral ini ialah faktor keibubapaan yang lemah, dan tradisi keluarga sebagai 'guru' moral yang pertama bagi kanak-kanak semakin hilang. Kanak-kanak tidak dapat lagi mempelajari nilai murni di rumah. Persekitaran di luar rumah juga adalah tidak mesra terhadap perkembangan nilai murid sekolah (Abdul Rahman Md. Aroff, Asmawati Suhid & Nur Surrayah Madhubala Abdullah, 2008). Oleh itu, pendidikan nilai di sekolah sebagai penggerak utama dalam pembinaan watak bertambah penting.

Sekolah secara umumnya dan guru secara khususnya memainkan peranan penting dan mempunyai pengaruh yang besar di dalam menerapkan nilai-nilai murni. Melaluinya, pelajar dididik supaya berakhlak, bermoral dan mengamalkan budaya hidup yang murni. Abd Rahim Abd Rashid (2001) juga menjelaskan pendidikan dan persekolahan perlu memainkan peranan yang berkesan bagi menyemai dan menanamkan nilai-nilai murni sebagai langkah membentuk dan melahirkan masyarakat yang mempunyai kualiti moral, sosial dan kerohanian. Tanggungjawab bagi mendidik dan memupuk nilai-nilai murni tidak boleh diambil ringan. Nilai-Nilai murni perlu menjadi agenda utama dalam pembangunan negara, pembangunan pendidikan, penggubalan dan pelaksanaan kurikulum, polisi dan dasar pembangunan sekolah dan mencorakkan peranan dan tanggungjawab guru (Abd. Rashid Abd Rahim, 2001).

Sekolah perlu memainkan peranan yang penting dalam menonjolkan nilai-nilai murni dengan mewujudkan suasana yang memberangsang dan budaya sekolah yang positif (Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md. Aroff, Abdul Majid Isa dan Rahil Hj. Mahyuddin, 1996). Dalam menjayakan aspek penerapan nilai murni dan penghayatan nilai murni, guru merupakan orang yang penting dalam melaksanakan strategi KBSM ini. Guru hendaklah terlebih dahulu mengamal dan menghayati nilai murni hendak diajar (Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md. Aroff, Abdul Majid Isa dan Rahil Hj. Mahyuddin, 1996). Lickona (1991) menjelaskan tentang tanggungjawab guru sebagai model penerapan nilai murni, iaitu guru perlu menjadi penjaga, model dan mentor; mencipta komuniti moral; mengamal disiplin moral; membina kelas yang bercirikan demokrasi; mengajar nilai merentas kurikulum; menggunakan pembelajaran kooperatif; membina '*conscience of craft*'; memupuk keprihatinan melangkaui batas kelas; membina budaya moral yang positif di sekolah; dan jadikan ibu bapa sebagai rakan kongsi.

Suh dan Traiger (1999) menerangkan bahawa kanak-kanak boleh dibantu dalam proses mereka membentuk nilai yang berkaitan dengan kehidupan dalam masyarakat demokrasi dan majmuk melalui aktiviti pembelajaran. Pada peringkat awal kanak-kanak boleh diajar mengenali nilai yang ada dalam diri dan seterusnya melihat bagaimana mereka menjaga barang-barang dan perkara yang mereka anggap bernilai. Suh dan Traiger percaya bahawa keseluruhan kurikulum sekolah sepatutnya mengajar nilai-nilai tersebut.

Berdasarkan pernyataan-pernyataan di atas jelas menunjukkan betapa pentingnya peranan sekolah dan guru dalam pembentukan nilai dan akhlak pelajar. Sekolah bukan setakat untuk mendapat kecemerlangan akademik dan guru bukan setakat untuk mengajar bagi meningkatkan pencapaian akademik tetapi lebih daripada itu iaitu membina dan membangun potensi diri terutama sahsiah, nilai dan akhlak pelajar. Maka beberapa aspek berkaitan dengan sekolah dan guru haruslah diketengahkan untuk dibincang bersama.

Menurut Veugelers (2000) jenis sekolah, persekitaran dan budaya sekolah, personaliti guru, pengalaman mengajar guru dan mata pelajaran yang diajar akan mempengaruhi peranan guru untuk menerapkan nilai murni dalam pengajaran yang seterusnya mempengaruhi penghayatan dan pembangunan nilai murni dalam kalangan pelajar. Berdasarkan model ini, penulis akan mengupas beberapa tinjauan awal dan dapatan kajian yang berkaitan dengan aspek-aspek yang telah dinyatakan oleh Veugelers (2000) untuk dijadikan asas bagi kajian selanjutnya.

JENIS DAN BUDAYA SEKOLAH

Bagi aspek jenis dan kategori sesebuah sekolah menengah, pada asasnya telah diwujudkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bagi memberi penekanan tertentu dalam amalan pendidikan di negara ini. Tujuan sekolah menengah kebangsaan adalah untuk memberi pendidikan kepada rakyat secara umum, manakala sekolah menengah berasrama penuh dan khas adalah bertujuan untuk menyediakan kemudahan dan persekitaran pembelajaran yang lebih baik khususnya kepada pelajar luar bandar. Sementara sekolah menengah kebangsaan agama diwujudkan bagi memberi penekanan yang lebih terhadap Pendidikan Islam dan pembelajaran Bahasa Arab. Implikasi daripada pelbagai syarat khusus (pencapaian akademik dan kokurikulum) yang dikenakan untuk memasuki sekolah-sekolah menengah berasrama penuh atau khas dan sekolah menengah agama telah mewujudkan jurang yang semakin ketara antara pelbagai kategori sekolah berkenaan dari pencapaian akademik, ko-kurikulum dan budaya sekolah (Azhar Ahmad, 2006).

Kajian Ab. Halim Tamuri dan Khadijah Abdul Razak (2003) yang melihat perbezaan persepsi pelajar yang wujud antara jenis-jenis sekolah berkaitan dengan pengajaran akhlak di sekolah menengah mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis-jenis sekolah. Dapatan menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan antara pelajar-pelajar dari sekolah agama dengan pelajar-pelajar dari sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah teknik. Begitu juga kajian Azhar Ahmad (2006) mendapati terdapat perbezaan

yang signifikan dalam penghayatan akhlak responden dari pelbagai kategori sekolah menengah dimana responden dari sekolah menengah khas/berasrama penuh dan sekolah menengah agama didapati mempunyai tahap penghayatan akhlak yang lebih tinggi berbanding dengan kumpulan responden dari sekolah menengah harian biasa.

Berdasarkan pemahaman dan kajian yang dijalankan ke atas jenis sekolah, jelas kepada kita bahawa wujud perbezaan antara jenis sekolah dengan pembentukan dan penghayatan akhlak pelajar. Oleh kerana jenis sekolah ini telah diwujudkan mengikut sistem pendidikan negara, maka penumpuan kepada jenis sekolah yang kurang memberi perhatian kepada aspek pembangunan nilai sama ada aspek pengajaran akhlak, penerapan nilai murni, penghayatan akhlak dan nilai murni harus diberi perhatian. Dewasa ini, rata-rata sekiranya ibu bapa ingin menghantar anak ke sekolah mereka akan memilih jenis sekolah yang boleh meningkatkan pencapaian akademik dan nilai serta akhlak pelajar. Bagaimanapun sekolah-sekolah yang mencapai tahap yang baik dari segi kedua-dua aspek akademik dan sahsiah pelajar adalah terhad.

Bagi aspek persekitaran dan budaya sekolah, apa yang dapat dijelaskan ialah budaya sekolah merangkumi seluruh persekitaran diri pelajar di sekolah. Faktor keadaan persekitaran sekolah boleh memberi kesan kepada pembentukan tingkah laku (Rusni Mohd. Nor, 2005). Persekitaran ini bercorak fizikal dan bukan fizikal. Persekitaran yang menggalakkan dan menyokong dapat melahirkan kesan positif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran serta penghayatan nilai-nilai murni. Dengan cara itu, usaha untuk pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar dapat berjalan dengan lancar dan berkesan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1992). Hasil dapatan kajian Khadijah Zon dalam Habsah Ismail (2000) berkaitan dengan persepsi guru-guru pelatih Universiti Sains Malaysia terhadap penerapan nilai murni mendapati bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan antara kebersihan fizikal dengan akhlak dan peribadi pelajar. Habsah Ismail (2000) juga merumuskan bahawa pihak sekolah dan guru perlu mengetahui tentang keperluan untuk mewujudkan satu budaya sekolah yang dikehendaki dalam KBSM. Selain itu, Alimuddin Mohd. Dom (2009) juga ada menyatakan bahawa budaya sekolah yang baik turut membantu dan menyokong keberkesanan pengajaran guru di bilik darjah. Menurut pandangan guru suasana sekolah yang menggalakkan akan mempengaruhi guru menerapkan nilai murni dalam pengajaran (Zakaria Kasa et al., 1994). Oleh itu, bagi memastikan pelaksanaan penerapan nilai murni dapat dilakukan dengan baik aspek budaya sekolah perlu diberi perhatian. Apabila penerapan nilai murni dilaksanakan dengan baik dan sempurna, diharapkan aspek pembangunan nilai pelajar dapat dibentuk melalui penghayatan nilai murni yang diterapkan oleh guru-guru mata pelajaran.

PERSONALITI, PENGALAMAN MENGAJAR DAN MATA PELAJARAN
YANG DI AJAR OLEH GURU

Sejak menjejakkan kaki ke alam persekolahan, para pelajar adalah amat bergantung kepada tunjuk ajar para guru memandangkan jumlah masa mereka bersama para guru. Oleh yang demikian para guru memainkan peranan penting dalam mencorakkan kehidupan pelajar. Guru adalah orang yang penting dalam kehidupan pelajar. Hubungan guru dengan pelajar adalah sangat rapat dan hubungan ini merupakan peranan yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran (Kamaruddin Hussin, 1995).

Minat yang ditunjukkan oleh para guru terhadap profesyen perguruan menentukan tahap minat pelajar terhadap guru tersebut serta pengajarannya (Czubaj, 1996). Salah satu faktor yang memainkan peranan penting dalam menentukan minat guru terhadap profesyen perguruan ialah motivasi dan motivasi ini pula berkait rapat dengan personaliti guru tersebut (David Selvam, 2000). Rohaty Majzub dan T. Subahan Mohd. Merah (1993) menjelaskan bahawa proses pengajaran yang dibantu oleh sifat guru yang positif, komitmen guru, cara penyampaian guru, aktiviti yang dilaksanakan oleh guru dan kaedah pengajaran guru mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecemerlangan akademik dan tahap kefahaman ilmu. Guru-guru juga dikenal pasti mempunyai pengaruh terhadap perkembangan akhlak dalam kalangan remaja dan pelajar sekolah menengah. Pengaruh ini diterapkan dalam peranan guru sebagai '*role model*', *muaddib*, *murabbi* dan *muallim* (Ab. Halim et al., 2004). Guru juga merupakan pendukung aspirasi membentuk modal insan yang holistik. Guru bukan sekadar melahirkan pelajar cemerlang tetapi lebih utama membimbing generasi bersahsiah mulia. Masa depan negara bergantung kepada keupayaan guru melahirkan generasi berkemahiran, menghayati nilai murni dan memenuhi cita rasa bangsa dan negara (Berita Harian, 16 Mei 2009). Mohd Kamal Hassan (2009) turut menjelaskan bahawa guru perlu mempunyai sahsiah yang baik untuk dicontohi dalam pembentukan sahsiah pelajar. Manakala Abdul Halim al-Muhammadi (2009) pula menjelaskan, guru ialah ejen kepada keberkesanan pendidikan. Kesepaduan antara kemahiran keilmuan dengan kluhuran peribadi adalah kriteria peribadi pendidik yang tidak boleh dipisahkan, sebaliknya menjadi contoh yang berkesan.

Tingkah laku guru mudah mempengaruhi pelajar-pelajar. Pelajar-pelajar mudah menginterpretasi sesuatu yang dilakukan oleh guru sama ada cara guru bertutur atau bertingkah laku. Guru haruslah menunjukkan sikap yang positif dalam diri pelajar bagi menanamkan sikap yang positif dalam diri pelajar (Zuria Mahmud & Salleh Amat, 1998). Selain itu, sifat keprihatinan guru terhadap pelajar juga adalah penting dalam pembentukan sahsiah pelajar. Sifat

keprihatinan guru boleh ditunjukkan melalui sifat bersimpati dan menjaga kepentingan mereka dalam proses pendidikan (Zuria Mahmud & Salleh Amat, 1998). Guru-guru yang sabar, bertolak ansur, suka mendengar pandangan pelajar adalah guru yang disukai oleh pelajar. Guru harus mengambil peluang ini untuk mempengaruhi pelajar dalam proses pengajaran di dalam kelas terutama dalam pembentukan sahsiah dan pembangunan nilai pelajar.

Aspek pengalaman mengajar juga merupakan satu aspek yang sering dikaji dalam kajian-kajian amalan pendidikan. Sebagai contoh, hasil kajian Mead (2003) mendapati guru tidak mampu untuk menerapkan nilai murni kerana kurang berpengalaman dalam melaksanakannya. Selain itu, kajian Muhd Nor Mahmud (1994) berkaitan dengan pelaksanaan perubahan kurikulum geografi KBSM didapati guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 10 tahun mempunyai sikap yang lebih positif terhadap perubahan kurikulum geografi berbanding guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 10 tahun. Manakala kajian Rosenholtz (1984) mendapati guru yang mempunyai pengalaman mengajar lima tahun ke atas lebih berkesan berbanding guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang dari tiga tahun. Begitu juga dalam kajian yang dijalankan di negara barat menunjukkan bahawa bilangan tahun pengalaman mengajar mungkin mempengaruhi pandangan guru tentang amalan-amalan di sekolah. Bennet et al. (dalam Tor Geok Hwa, 2003) mendapati bahawa guru yang lebih berumur berpegang kepada pandangan yang lebih tradisional terhadap gaya pengajaran. Dalam hal ini juga, Hannafin dan Freeman (dalam Tor Geok Hwa, 2003) mendapati bahawa guru yang berpengalaman mempunyai pandangan yang lebih objektif terhadap penguasaan pengetahuan berbanding dengan guru yang tidak banyak pengalaman mengajar. Oleh itu, jelas menunjukkan pengalaman mengajar di sekolah mempengaruhi seseorang guru dalam amalan pengajaran dan seterusnya membantu dalam pembentukan nilai pelajar.

Selain itu, aspek mata pelajaran yang diajar dan bidang pengkhususan merupakan antara skop yang banyak dikaji dalam aspek penerapan nilai murni dan pembentukan nilai dan akhlak pelajar. Antara dapatan beberapa kajian dalam mata pelajaran tertentu seperti kajian Noorlela Ahmad (2008) mendapati guru sukar melaksanakan penerapan nilai dalam pengajaran mata pelajaran Prinsip Akaun. Begitu juga dapatan yang sama daripada kajian oleh Rosnani Hashim (1996) yang menjelaskan guru menghadapi masalah dalam melaksanakan proses penerapan nilai murni terutama sekali mereka yang mengajar disiplin ilmu yang bersifat pasti seperti matematik dan perakaunan. Habsah Ismail (2000) dalam kajiannya juga mendapati guru aliran sains sosial menunjukkan kefahaman yang lebih tinggi daripada guru sains tulen berhubung dengan aspek kesepaduan ilmu, kemahiran dan nilai-nilai murni dalam KBSM. Dapatan

ini menunjukkan bahawa mata pelajaran tertentu menghadapi kesukaran melaksanakan penerapan nilai murni. Kurangnya penekanan nilai murni oleh guru dalam mata pelajaran tersebut mungkin boleh menyebabkan pelajar kurang dapat melihat perkaitan sesuatu ilmu dengan pembangunan nilai.

Selanjutnya, kajian Ab. Halim Tamuri dan Khadijah Abdul Razak (2003) berkaitan dengan pengajaran akhlak di sekolah menengah mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam persepsi pelajar berdasarkan aliran akademik mereka. Daripada ujian post-hoc yang dijalankan, terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar aliran agama dengan pelajar aliran teknik/vokasional dan pelajar dari bidang bukan sains. Kedudukan yang sama juga wujud di kalangan pelajar sains dengan pelajar dari aliran teknik/vokasional dan bukan sains, di mana perbezaan min antara mereka juga signifikan. Selain daripada itu, perbezaan min yang ada antara pelajar dari aliran teknik/vokasional dan pelajar dari aliran bukan sains adalah juga signifikan. Kajian Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md. Aroff, Abdul Majid Isa dan Rahil Hj. Mahyuddin (1996) juga ada mengemukakan faktor-faktor terpenting yang menyumbang kepada perkembangan moral pelajar. Hasil kajian mereka menjelaskan faktor mata pelajaran iaitu mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dan diikuti mata pelajaran lain sebagai faktor terpenting dan kedua penting yang menyumbang kepada perkembangan moral pelajar. Oleh itu, jelas sorotan daripada beberapa kajian menggambarkan peranan mata pelajaran terhadap penerapan nilai murni yang seterusnya boleh mempengaruhi pembangunan nilai pelajar.

KESIMPULAN

Pihak sekolah dan guru perlu memainkan peranan yang penting dalam pembangunan nilai pelajar. Kepelbagaian jenis dan budaya sekolah yang wujud haruslah menekankan ke arah pembentukan nilai murni pelajar. Guru yang mengajar dari pelbagai mata pelajaran, pengalaman mengajar dan personaliti guru haruslah berperanan memberi kesedaran tentang nilai dan moral kepada pelajar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Hasil dari keprihatinan terhadap penanaman nilai dan moral akan memberi kesan yang positif di dalam pembangunan nilai pelajar.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri dan Jaafary Awang. 2005. Cabaran pendidikan nilai dalam pembangunan insan di Malaysia. *Prosiding seminar pendidikan serantau UKM-UNRI ke-2*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri dan Khadijah Abdul Razak. 2003. Pengajaran akhlak di sekolah menengah: Persepsi pelajar-pelajar. *Prosiding wacana Pendidikan Islam (Siri 3): Perkaedahan pengajaran Pendidikan Islam: Antara tradisi dan inovasi*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim, Khadijah Abdul Razak. 2004. Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. Laporan penyelidikan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abd Rahim Abd Rashid. 2001. *Nilai-nilai murni dalam pendidikan: Menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Halim al-Muhammadi. 15 Mei 2009. *Manfaat ilmu cara terbaik hargai jasa guru : pendidik pikul tanggungjawab berat bentuk generasi berdaya saing, pemimpin masa depan*. Berita Harian. hlm. 41.
- Abdul Rahman Md.Aroff, Asmawati Suhid & Nur Surayyah Madhubala Abdullah. 2008. Pendidikan Nilai dan Pembinaan Watak. *Pendidikan di sekolah: isu dan cabaran*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Alimuddin Mohd Dom, Tan Sri. 2009. Budaya sekolah pengaruhi keberkesanan pengajaran. *Pendidik*, Mac. Dimuat turun pada 28 Mac 2009 daripada [http : //pendidik.com.my](http://pendidik.com.my).
- Asmawati Suhid, Rahyl Mahyuddin dan Abdul Rahman Mad Aroff. 2001, 23 – 25 Mei. *Persepsi pelajar institusi pengajian tinggi terhadap Pendidikan Moral*. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral Dalam Dunia Globalisasi, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Azhar Ahmad. 2006. *Strategi pembelajaran pengaturan sendiri Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah di Sarawak*. Tesis Ph.D. Univerisiti Kebangsaan Malaysia.
- Berita Harian, 16 Mei 2009.
- Czubaj, C.A. 1996. Maintaining teacher motivation. *Education*. 116 (3), 372.
- David Selvam. 2000. *Pengaruh personaliti terhadap prestasi kerja di kalangan guru-guru sekolah menengah*. Kertas Projek Sarjana Sains (Pengurusan). Universiti Utara Malaysia.

- Habsah Ismail. 2000. *Kefahaman guru terhadap konsep pendidikan bersepadu dalam KBSM*. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Habsah Ismail, Ramlah Hamzah, Aida Suraya Md. Yunus, Hapsah Nawawi, Rosini Abu dan Wan Zah Wan Ali. 2007. Teachers' belief towards the principles underlying the national philosophy of education in Malaysia. *International Journal of Learning*, vol. 13 no. 9 : 91-104. Dimuat turun pada 2 Mac 2009 daripada <http://www.Learning-Journal.com>: ISSN No: 1447-9494
- Ismail Jusoh dan Mustapa Kasim. 1997. Pendidikan nilai 3K : Satu cadangan. *Prosiding Pendidikan Moral dan Nilai*. Bangi : Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamaruddin Hj. Hussin. 1995. *Dinamika sekolah dan bilik darjah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Lickona, T. 1991. *Educating for character: How our schools can teach respect and responsibility*. New York: Bantam Books.
- Mead, N. 2003. Will be introduction of teaching standards in professional values and practice put the heart back into primary teacher education? *Pastrol Care*. March.
- Mohd Arif Hj Ismail, Mohd Jasmy Abd. Rahman & Rosnaini Hj. Mahmud. 2005. Nilai-nilai murni dan pendidikan bersepadu: ke arah kemanusiaan sejagat. *Prosiding wacana Pendidikan Islam (Siri 4): Pendidikan Islam ke arah kemanusiaan sejagat*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Mohd. Kamal Hassan. 15 Mei 2009. *Manfaat ilmu cara terbaik harga jasa guru: pendidik pikul tanggungjawab berat bentuk generasi berdaya saing, pemimpin masa depan*. Berita Harian. hlm. 41.
- Muhd. Nor Mahmud. 1994. *Pelaksanaan kurikulum Geografi KBSM. Kajian tentang sikap guru dan masalah-masalah yang dihadapi dalam pengajaran*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Lela Ahmad. 2008. *Amalan penerapan nilai murni guru perakaunan dalam pengajaran Prinsip Perakaunan*. Tesis Ph.D. Univerisiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Hashim. 2000. *Penahaman guru terhadap penerapan nilai-nilai murni di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah*. Laporan penyelidikan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 1988. *Nilai-nilai murni dalam KBSM: Cabaran untuk pendidik*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 1992. *Buku penerangan kurikulum bersepadu sekolah menengah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Pusat Perkembangan Kurikulum. 2005. *Buku panduan pengajaran dan pembelajaran nilai merentas kurikulum KBSR / KBSM*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Rahimah Hj. Ahmad dan Chang Lee Hon. 1997. Pendidikan moral dan nilai adalah asas meningkatkan martabat profesion perguruan. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Moral dan Nilai dalam Pembangunan manusia*. Bangi : Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohaty Mohd Majzub dan T. Subahan Mohd Meerah. 1993. Satu Tinjauan Sahsiah dan Tingkah Laku Pendidik yang Berkaitan dengan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan*, 15, 125-135.
- Rosnani Hashim. 1996, 2-6 September. *Penyerapan nilai-nilai murni dalam aspek pengajaran dan pembelajaran KBSM dari perspektif guru*. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Penilaian KBSM. Isu dan Hala Tuju Strategik Ke Arah Abad 21. Institut Aminuddin Baki. Genting Highlands, Pahang.
- Rusni Mohd Nor. 2005. *Perkaitan antara budaya sekolah dengan pencapaian akademik pelajar di Negeri Sembilan*. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suh, B. K., & Traiger, J. 1999. Teaching Values through elementary social studies and literature curricula. *Education*, 119(4). Dicapai pada 2 Ogos 2007 daripada http://findarticles.com/p/articles/mi_qa3673/is_199907/ai_n8855122.
- Tor Geok Hwa. 2003. *Kepercayaan guru-guru sejarah tentang falsafah pendidikan sejarah dan pelaksanaan penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran*. Laporan penyelidikan Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan Universiti Utara Malaysia.
- Veugellers, W. 2000. Different ways of teaching values. *Educational Review*. 52 (1) : 37-46.
- Waddock, S. 2005. Hollow men and women at the Helm...hollow accounting ethics? *Issues in Accounting Education*. 20 : 145-150
- Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin. 1988. *Ke arah pelaksanaan nilai-nilai murni di dalam KBSM: Falsafah Pendidikan Negara*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Nilai-nilai Murni Merentas Kurikulum Dalam KBSM di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin. 1993. *Pengisian wawasan pendidikan*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pendidikan Nasional Peringkat Negeri Pulau Pinang, pada 18 September 1993, di Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang.
- Wan Hasmah Wan Mamat. 2002. A qualitative investigation on the teaching of values education in Malaysian schools : Expectations and realities. *Jurnal Pendidikan*, Jilid 22, 137-154.

- Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md. Aroff, Rahil Hj. Mahyuddin, Mohd. Ibrahim Nazri, Muhamad Hassan Abd. Rahman, Abd. Rahman Hj. Raffiee, et al. 1994. *Pendidikan Akhlak di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*. Laporan Penyelidikan Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia dan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Pertanian Malaysia.
- Zakaria Kasa, Abdul Rahman Md. Aroff, Abdul Majid Mohd Isa, Rahil Hj. Mahyuddin. 1996. *Penerapan nilai murni merentas kurikulum : Satu Tinjauan*. Laporan Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Pertanian Malaysia.
- Zuria Mahmud & Salleh Amat. 1998. *Guru berkesan : Kemahiran dalam menangani pelajar*. Kertas kerja seminar Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Guru. Pendidikan Guru untuk sekolah berkesan. Kuala Lumpur : Universiti Malaya. 26-28 Oktober.

Mohamad Khairi Othman
Bidang Pengajian Pendidikan
Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia
mkhairi@uum.edu.my

Asmawati Suhid
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
asmawati@educ.upm.edu.my